From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM DAN KERAJAAN SARAWAK RINTIS KERJASAMA STRATEGIK BIDANG KOMUNIKASI DI i-COME'26
Date: Friday, 18 September, 2026 6:52:09 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

18 SEPTEMBER 2026 / 6 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Dr. Mohamad Hafifi Jamri

UUM DAN KERAJAAN SARAWAK RINTIS KERJASAMA STRATEGIK BIDANG KOMUNIKASI DI i-COME'26



UUM ONLINE: Kuching - Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) merintis kerjasama strategik bersama Kerajaan Sarawak bersempena dengan 10th International Conference on Communication and Media (COME'26) yang berlangsung di Borneo Cultures Museum, Kuching, Sarawak.

Kerjasama ini dimeterai menerusi penyerahan Surat Hasrat (LoI) oleh Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed kepada Pengarah Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), Awang Putrayusrie Awang Redzuan dengan disaksikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Hal Ehwal Korporat, Penerangan dan UKAS), Datuk Abdullah Saidol.

Ketika merasmikan i-COME'26, Datuk Abdullah menegaskan kepentingan kecekapan digital dan literasi maklumat bagi memelihara keharmonian sosial di tengah-tengah kebangkitan teknologi kecerdasan buatan (AI).



Beliau turut menyarankan agar setiap projek pembangunan negara dilengkapi pelan induk komunikasi awam bagi memastikan maklumat dasar kerajaan disampaikan secara berkesan kepada masyarakat.

Sementara itu, Dr. Ahmad Martadha dalam ucapan aluannya menyatakan bahawa jalinan UUM bersama UKAS akan membuka ruang perkongsian kepakaran, pertukaran idea serta perancangan inisiatif bersama yang memberi manfaat langsung kepada pembangunan komuniti dan akademik.

Beliau turut menyatakan kesediaan UUM untuk menawarkan program-program pasca siswazah secara pesisir kepada agensi awam di Sarawak.



Mengangkat tema *"Navigating Global Communication through Digital Competence for a Sustainable Future",* persidangan dwitahunan anjuran SMMTC UUM ini menghimpunkan kira-kira 130 peserta dari kalangan akademik dan industri tempatan serta antarabangsa.

Sebanyak 73 kertas persidangan dibentangkan dengan fokus utama diberikan kepada cabaran teknologi digital, etika komunikasi digital, isu sosial siber dan aplikasi AI dalam komunikasi sepanjang dua hari persidangan tersebut.

Pengarah i-COME'26, Dr. Jamilah Jamal berkata, persidangan kali turut menampilkan tokoh SDG tersohor iaitu Prof. Jeffrey Sachs, Presiden UN Sustainable Development Solutions Network menyampaikan ucaptama, manakala Datuk Ashwad Ismail, Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia dan Tuan Syed Mohammed Idid Syed Ahmed Idid, Pengurus Besar West Coast Expressway Holdings Bhd. pula telah menyampaikan pembentangan utama.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.